

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
[PADANG BESAR - BN ]**

**TARIKH : 6 APRIL 2017 ( KHAMIS )**

**SOALAN NO. 21**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan supaya Sukan Catur diberikan bajet dan insentif pembangunan sukan berprestij tinggi bertaraf antarabangsa. Ini kerana sukan catur di Malaysia berpontensi besar untuk menjadi sukan pilihan rakyat, mempopularkan negara dan boleh menjadi pemangkin kepada proses kita melahirkan modal insan yang mempunyai 'Kemahiran Berfikir Aras Tinggi'.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian melalui Majlis Sukan Negara sentiasa menyokong dan membantu semua Persatuan Sukan Kebangsaan dalam melaksanakan program pembangunan atlet akar umbi serta program persediaan atlet untuk bersaing di temasya sukan antarabangsa.
2. Ini termasuklah membantu penyertaan atlet-atlet sukan catur yang menyertai temasya Sukan SEA Vietnam 2003, Sukan SEA Filipina 2005, Sukan SEA Indonesia 2011 dan Sukan SEA Laos 2013. Walau bagaimanapun, penyertaan sukan catur diperingkat ASEAN masih lagi tidak konsisten kerana ia tidak dipertandingkan di temasya Sukan SEA Singapura 2015 dan juga Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. Ini menyebabkan sukan ini sukar untuk melaksanakan program-program persediaan atlet yang berterusan kerana sukan ini juga tidak dipertandingkan temasya sukan utama antarabangsa seperti Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik serta hanya dipertandingkan di Sukan Asia Doha 2006 dan Sukan Asia Guangzhou 2010 sebelum digugurkan oleh Olympic Council of Asia (OCA) untuk dipertandingkan di Sukan Asia Incheon 2014.
3. Begitu juga pembangunan sukan catur di Malaysia, walaupun sukan catur ini sering dipertandingkan di kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) dan Sukan IPT Malaysia (SUKIPT), akan tetapi ia masih lagi belum dipertandingkan di temasya Sukan

## **SULIT**

**Malaysia** berikutan sukan ini masih belum dikategorikan sebagai salah satu **sukan pilihan** yang boleh dicadangkan untuk dianjurkan oleh mana-mana tuan rumah Sukan Malaysia.

Sekian, terima kasih.